

Pantai Remis: Sebagai langkah mengatasi masalah banjir di Kampung Padang Serai, di sini, sejak beberapa hari lalu, pihak berkuasa tempatan (PBT) mendalamkan sungai dan memasang pam untuk mengawal air di kampung berkenaan, semalam.

Sehingga jam 3 petang, semalam, 70 orang membatikan 18 keluarga di kampung berkenaan ditempatkan di pusat pemindahan di Sekolah Agama Rakyat Kampung Padang Serai, di sini.

Penduduk terbabit ditempatkan di pusat pemindahan berkenaan sejak kediaman mereka dinaiki air setinggi 0.2 meter, Isnin lalu, selepas hujan lebat berterusan serta diburukkan lagi dengan air laut pasang besar.

Pegawai Daerah Manjung Mohamad Fariz Mohamad Hanip berkata, sebagai langkah mengatasi banjir di kampung itu, Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) memasang pam di kawasan terbabit sebagai langkah berjaga-jaga.

Menurutnya, selain itu kerja mendalamkan sungai di Kampung Padang Serai tu-



PAM air dipasang di Kampung Padang Serai, Pantai Remis.

Pasang pam kawal air banjir

rut dilakukan bagi mengatasi masalah terbabit.

“Saya difahamkan hari ini (semalam) berlaku hujan lebat di kampung berkenaan dan dikhuatiri meningkat paras air.

“JPS juga memasang pam bagi mengawal paras air supaya tidak naik drastik, malah sungai juga didalamkan sebagai langkah berjaga-jaga,” katanya ketika ditemui di sini, semalam.

Sementara itu, Ketua Kampung Padang Serai Hassan Ismail berkata, kam-

pungnya kawasan rendah menyebabkan air mudah bertakung apabila hujan lebat serta air laut pasang besar.

“Semua mangsa belum dibenarkan pulang ke rumah berikutan paras air berada pada tahap sama seperti semalam (kelmarin).

“Bagaimanapun, banjir kali ini tidak seteruk tahun sebelumnya dan mangsa dijangka kekal di pusat pemindahan sehingga minggu depan bergantung kepada keadaan cuaca,” katanya.